KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

UCAPAN TAHNIAH ATAS PELANTIKAN MENTERI, TIMBALANMENTERI I DAN TIMBALAN MENTERI II KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) merakamkan ucapan setinggi tahniah di atas pelantikan YB Dato' Seri Mahdzir Khalid sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad sebagai Timbalan Menteri I dan juga YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah sebagai Timbalan Menteri II yang baharu.

Warga KPLB akan terus kekal komited dan sentiasa memberi kerjasama dan sokongan kepada pimpinan YB Menteri, YB Timbalan Menteri I dan YB Timbalan Menteri II dalam melaksanakan inisiatif membangun dan memajukan luar bandar untuk kesejahteraan masyarakat luar bandar sejajar dengan Visi, Misi dan Motto Luar Bandar Sejahtera.

KPLB turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu YB Datuk D r . Abd. Latiff Ahmad dan Timbalan Menteri II iaitu Datuk Henry Sum Agong atas perkhidmatan dan sumbangan di kementerian ini.

Semoga dengan pelantikan YB Menteri, YB Timbalan Menteri I dan YB Timbalan Menteri II akan menjadi pemangkin kepada pembangunan luar bandar yang sejahtera, inklusif, mampan dan holistik dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19 serta memastikan Pelan Pemulihan Negara dan gagasan "Keluarga Malaysia" dapat dijayakan.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
30 Ogos 2021

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my